

## KENYATAAN MEDIA BERSAMA

**28 September 2025 — Hari Antarabangsa untuk Akses Sejagat kepada Maklumat (IDUAI)**

### **Akta Kebebasan Maklumat Malaysia Mesti Menjamin Kebebasan, Akauntabiliti dan Kepercayaan Awam**

Ketika rakyat Malaysia bersama komuniti global memperingati Hari Antarabangsa untuk Akses Sejagat kepada Maklumat (IDUAI), kami yang bertandatangan di bawah ini, mewakili organisasi masyarakat sivil dan individu, menegaskan bahawa perundangan mengenai Kebebasan Maklumat (Freedom of Information, FOI) atau Hak Mendapatkan Maklumat (Right to Information, RTI) yang bakal digubal mestilah berlandaskan standard hak asasi manusia, menggalakkan ketelusan serta disusuli dengan reformasi institusi yang bermakna.

Hak mendapatkan maklumat diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui Artikel 19 dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Waad Antarabangsa tentang Hak Sivil dan Hak Politik (ICCPR), serta terkandung dalam Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Rangka kerja RTI yang tulen dan bersepadu adalah penting untuk menangani budaya kerahsiaan yang berakar umbi di Malaysia, mengukuhkan penyertaan demokratik, dan membina kepercayaan rakyat terhadap tadbir urus dalam badan awam.

### **Mengapa Akses Sejagat kepada Maklumat Penting**

Akses kepada maklumat adalah hak asasi yang mendasari kebebasan bersuara, membantu membanteras rasuah, mengukuhkan akauntabiliti, dan memperkasa rakyat untuk melibatkan diri secara bermakna dalam kehidupan awam. Tanpa hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mendapatkan maklumat, nilai-nilai demokratik ini kekal rapuh.

Sehubungan itu, undang-undang FOI/RTI adalah alat penting untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan PBB (terutamanya SDG 16: keamanan, keadilan, dan institusi yang kukuh). Undang-undang ini memastikan badan awam mempunyai akauntabiliti, proses belanjawan dan kawal selia lebih telus, serta rakyat dapat memantau sebarang kemajuan.

Penggubalan Akta FOI akan membolehkan Malaysia menyertai [Open Government Partnership](#), sebuah inisiatif antarabangsa yang terdiri daripada 75 buah negara yang menghimpunkan pemimpin kerajaan dan masyarakat sivil untuk menggalakkan tadbir urus berteraskan ketelusan, penyertaan, dan keterangkuman. Sebagai pengerusi ASEAN, Malaysia berada pada kedudukan penting untuk menyertai Indonesia dan Filipina di samping mengetuai Asia Tenggara dalam memperkukuh demokrasi serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

### **Badan Kawal Selia Bebas – Tonggak RTI**

Penubuhan **Suruhanjaya Maklumat yang bebas**, yang melapor terus kepada Parlimen, merupakan tunjang utama bagi kerangka RTI yang kukuh. Ia mesti berperanan sebagai pengawas untuk memastikan hak rakyat untuk tahu dipertahankan dan badan awam tidak sewenang-wenangnya menolak akses kepada maklumat.

Fungsi dan kuasa Suruhanjaya amat penting untuk menjadikan hak ini dikuatkuasakan. Seperti yang disyorkan dalam [Model CSO bagi Rang Undang-Undang RTI](#), Suruhanjaya mesti diberi sumber yang mencukupi serta diberi kuasa untuk menyelesaikan rayuan, mengarahkan pendedahan maklumat, dan menguatkuasakan piawaian untuk penerbitan proaktif. Ia juga berperanan penting dalam meningkatkan kesedaran awam, menggalakkan akses kepada maklumat serta memastikan agensi kerajaan menunaikan kewajipan mereka.

Keberkesanan kuasa, fungsi dan tanggungjawab bergantung kepada pelantikan ahlinya, atau Suruhanjaya-Suruhanjaya. Individu ini haruslah mempunyai integriti dengan kepakaran dalam undang-undang, hak asasi manusia, atau hak mendapatkan maklumat. Suruhanjaya-Suruhanjaya ini mesti dilantik melalui proses Parlimen yang telus dan terbuka, dengan perwakilan gender yang seimbang serta melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Penjawat awam dan ahli politik yang menyandang jawatan parti hendaklah dikecualikan bagi menjamin kebebasan dan keberkecualian Suruhanjaya.

Kerajaan Malaysia telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi tahun 2025 dalam menubuhkan beberapa institusi baharu, termasuk [Tribunal Pekerja Gig dan sebuah Majlis Perundangan](#) di bawah Rang Undang-Undang Pekerja Gig, [Tribunal Anti-Buli](#), serta sebuah [suruhanjaya halal](#) untuk tadbir urus dan pembangunan yang berkaitan. Hal ini membuktikan bahawa melalui kemahuan politik dan kecukupan sumber, kerajaan berupaya menubuhkan entiti baharu dalam menanggung kos penggajian dan logistik bagi menangani isu dapat yang meningkatkan kesejahteraan orang awam. Oleh itu, kerajaan haruslah bertekad untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Maklumat yang bebas, sekali gus meneruskan usaha reformasi hak asasi manusia yang bertumpu pada orang awam.

Tambahan pula, pada tahun 2023, Ramkarpal Singh, bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) di bawah pentadbiran kini, telah menyatakan bahawa kerajaan mengkaji cadangan untuk [menubuhkan Suruhanjaya Maklumat bebas](#) sebagai badan pemantau bagi mengawal selia Akta Kebebasan Maklumat yang dicadangkan, mendengar rayuan, dan memastikan pematuhan terhadap ketetapan perundangan.

Tanpa mekanisme pengawasan bebas dengan kuasa yang mengikat dan boleh dikuatkuasakan, kerajaan akan terus menjadi penyaring maklumat (*gatekeeper*) dan penentu akses kepada maklumat. Perkara ini menimbulkan konflik kepentingan yang jelas, sekali gus melemahkan kredibiliti serta keberkesanan undang-undang yang dicadangkan.

### **Terbuka Secara Automatik (*Open by Default*)**

Akta FOI akan menjadikan kerajaan mengamalkan pendedahan secara automatik. Dengan cara ini, data akan menjadi terbuka merentasi semua agensi kerajaan dan mewujudkan persekitaran yang menggalakkan inovasi dalam ekonomi digital dan kerajaan.

Perundangan FOI haruslah menegakkan prinsip pendedahan maksimum iaitu semua maklumat yang dipegang badan awam haruslah mudah dicapai serta tidak termasuk perkara yang

dikecualikan secara khusus. Penerbitan proaktif bagi maklumat yang memberikan akses yang bermakna dan mudah dicapai ini adalah asas bagi menggalakkan penyertaan awam, memerangi rasuah dan menghapuskan budaya kerahsiaan di Malaysia.

Perundangan ini harus menjamin bahawa mana-mana sekatan atau pengecualian dalam mengakses maklumat adalah memenuhi prinsip terhad, keperluan, dan perkadaran serta tertakluk pada ujian mudarat dan kepentingan awam. Melalui langkah-langkah ini, ia dapat memastikan bahawa pengecualian hanya diberikan apabila pendedaahannya akan menyebabkan mudarat yang nyata terhadap kepentingan awam (pertahanan negara, privasi, atau kerahsiaan komersial).

### **RUU FOI Mesti Diselaraskan dengan Reformasi Undang-undang yang Lebih Luas**

Untuk menggubal perundangan mengenai FOI secara berkesan, ia memerlukan reformasi yang menyeluruh bagi memastikan bahawa tiada undang-undang sedia ada yang mengekanginya. Hal ini termasuk memansuhkan **Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA)** kerana peruntukan kerahsiaan adalah bercanggah dengan prinsip ketelusan dan pendedahan secara terbuka. Selain itu, pemansuhan **Seksyen 203A Kanun Keseksaan, serta** menyelaras **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010** untuk melindungi pendedahan bagi kepentingan awam, melindungi privasi, dan memupuk akauntabiliti. Dalam tempoh penggal yang panjang, kerajaan harus bertekad untuk menyemak dan menggugurkan perkataan “kewajipan kerahsian” dalam pelbagai peruntukan perundangan di Malaysia yang sekali gus mengenakan larangan menyeluruh terhadap pendedahan bagi sesetengah kategori maklumat atau semua maklumat yang dipegang oleh semua agensi/badan awam.

Badan awam haruslah menetapkan garis panduan yang jelas untuk mengurus dan mendedahkan maklumat, menyediakan latihan dalam kewajipan untuk ketelusan, dan mewujudkan saluran yang mudah diakses untuk orang awam memohon maklumat. FOI tidak berfungsi secara terpisah, maka perspektif yang luas bagi memastikan semua aspek kepentingan awam diambil kira. Dilengkapi mekanisme pemantauan yang bebas, langkah ini akan memastikan bahawa perundangan FOI benar-benar menjalankan tujuannya di setiap peringkat, mengukuhkan akauntabiliti, tadbir urus yang baik, dan kepercayaan awam.

Hak sejagat bagi akses terhadap maklumat bukan sekadar objektif bagi sebuah polisi, sebaliknya sebuah perjanjian ke arah peningkatan martabat, kesamarataan, dan keadilan. Malaysia berada di sebuah persimpangan yang kritikal kerana Akta FOI mempunyai potensi untuk menjadi model rentas rantau jika didasarkan pada hak asasi manusia, ketelusan, terangkuman, dan kebolehuatkuasaan. Ini adalah detik penentu bagi Malaysia: Sebuah peluang bukan sekadar untuk menyertai kelompok negara yang mempunyai [penarafan RTI](#) yang tinggi, malah menetapkan sebuah penanda aras serantau bagi keterbukaan dan tadbir urus yang baik.

### **Seruan untuk Bertindak (*Call to Action*)**

Sempena hari memperingati akses sejagat kepada maklumat ini, dan dalam usaha ke arah penggubalan perundangan FOI, kami menggesa:

- **Parlimen dan Badan Eksekutif** untuk menggubal undang-undang yang memenuhi standard di atas serta mengelakkan peruntukan lemah yang menjadi retorik reformasi;
- **Semua badan awam** untuk komited terhadap budaya keterbukaan dan pengurusan maklumat, serta memudah cara pendedahan maklumat;
- **Masyarakat sivil, media, dan orang awam untuk** terlibat secara aktif dalam proses penggubalan, memantau pelaksanaan, dan memastikan institusi mempunyai akauntabiliti.

**Ketahui bagaimana anda boleh menyuarakan pendapat anda [di sini](#).**

---

**Senarai pihak yang menandatangani:**

**Organisasi**

- 1) Centre for Independent Journalism (CIJ)
- 2) ARTICLE 19
- 3) The Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center)
- 4) Sinar Project
- 5) Freedom Film Network (FFN)
- 6) SIS Forum (Malaysia)
- 7) Justice for Sisters (JFS)
- 8) North South Initiative
- 9) Gindol Initiative for Civil Society Borneo
- 10) Greater Equitable Measures (GEM)
- 11) Architects of Diversity
- 12) Gerakan Media Merdeka (GERAMM)
- 13) Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN)
- 14) Sustainable Development Network Malaysia
- 15) Pusat Pembangunan Rakyat (MANDIRI)
- 16) SIUMAN Collective
- 17) Liga Mahasiswa Malaysia
- 18) Liga Mahasiswa Universiti Malaya
- 19) Gerakan Perempuan Melawan
- 20) Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM)
- 21) Beyond Borders Malaysia
- 22) Workers Unmuted
- 23) MyMP
- 24) Greenpeace Malaysia
- 25) National Union of Journalists Peninsular Malaysia (NUJM)
- 26) Astro Awani
- 27) AIDA (Autism Inclusiveness Direct Action Group)
- 28) Family Frontiers
- 29) Reproductive Rights Advocacy Alliance Malaysia (RRAAM)
- 30) Sahabat Alam Malaysia (SAM)

- 31) Consumers' Association of Penang (CAP)
- 32) Malaysian Action for Justice and Unity (MAJU)
- 33) Women's Aid Organisation
- 34) PEN Malaysia
- 35) Martabat Untuk Semua Petaling Jaya (Martabat PJ)
- 36) Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER)
- 37) Tenaganita
- 38) SAVE Rivers
- 39) Agora Society Malaysia
- 40) Pergerakan Tenaga Akademik Malaysia (GERAK)
- 41) Parti Sosialis Malaysia (PSM)
- 42) Sustainable Petaling Jaya Association (Sustainable PJ)
- 43) PJ Sejahtera
- 44) Pusat Komunikasi Masyarakat (KOMAS)
- 45) Environmental Protection Society Malaysia (EPSM)
- 46) Treat Every Environment Special (TrEES)
- 47) B.E.A.CC.H. (Biodiversity.Environment.Agroecology.Climate Change.Habitat)
- 48) Kolektif Seni dan Budaya Malaysia
- 49) Himpunan Advokasi Rakyat Malaysia (HARAM)
- 50) Lawyer Kamek
- 51) Gabungan Darurat Iklim Malaysia
- 52) Equal Wings

#### **Individu**

- 1) Adrian Pereira
- 2) Andrew Khoo
- 3) Chang Teck Peng
- 4) Khoo Ying Hooi
- 5) Yeap Thiam Hoong
- 6) Chu Min Wei
- 7) Mahi Ramakrishnan
- 8) Muhammad Ariff Mohamad Nizam
- 9) Subatra Jayaraj
- 10) Beverly Joeman
- 11) Dato' Dr Amar-Singh HSS (Pakar Perunding Pediatrik, Aktivis Hak Kanak-Kanak Kurang Upaya)
- 12) Kuek Ser Kuang Keng
- 13) Derek John Fernandez
- 14) Srividhya Ganapathy
- 15) Dato' Dr. Chamil Wariya
- 16) Yante Ismail
- 17) Chong Wu Ling
- 18) Dr. G Manimaran
- 19) Sarajun Hoda Abdul Hassan

20) Parimala Nesamany

21) Dr. Mahyuddin Ahmad Abdul Rahman